

Redknee Solutions Dari Kanada Luaskan Operasi Di Malaysia Bernama

3 Apr, 2014

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Syarikat pengeluar perisian penyediaan bil dan penetapan caj global bagi perkhidmatan komunikasi yang berpangkalan di Kanada, Redknee Solutions Inc, sedang mempertimbangkan untuk meluaskan operasinya di Malaysia dengan menceburi sektor selain telekomunikasi.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Lucas Skockowski, berkata walaupun sektor telekomunikasi merupakan pasaran utama syarikat itu, namun perkhidmatan yang disediakan itu juga boleh digunakan dalam industri lain.

"Kami sedang mempertimbangkan sektor pengangkutan, logistik, tenaga serta minyak dan gas," kata beliau kepada pemberita selepas pelancaran pejabat serantau syarikat itu bagi Selatan Asia-Pasifik, di sini.

Pejabat itu dirasmikan oleh Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Jailani Johari.

Turut hadir ialah Judith St George, Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Malaysia.

Skockowski berkata satu daripada pelanggan yang disasarkan oleh syarikat itu ialah Tenaga Nasional Bhd.

Sementara itu, Skockowski berkata dalam sektor telekomunikasi, Redknee berhasrat menjalinkan hubungan dengan Axiata Group Bhd melalui hubungannya yang sedia terjalin dengan Celcom Axiata Bhd.

Antara pelanggan Redknee di Malaysia ialah Maxis Communications Bhd, DiGi Telecommunications Sdn Bhd dan Time DotCom Bhd.

Dalam satu perkembangan lain, Skockowski berkata syarikatnya sedang mencari peluang untuk mengembangkan perniagaannya melalui pengambilalihan.

"Kami mencari syarikat yang boleh membantu kami mencipta lebih banyak perisian, baik perisian perusahaan mahu pun perisian awan bagi pelbagai industri," katanya.

Menurut beliau syarikat itu sedang berunding untuk membeli sebuah firma.

Katanya, Redknee berminat terhadap syarikat Malaysia kerana mendapati tenaga kerja di negara ini mampu menyokong pertumbuhan serantau.

Syarikat Kanada yang menyokong lebih 200 penyedia perkhidmatan perhubungan di 90 negara itu menyediakan perkhidmatan kepada lebih 2.4 bilion pelanggan di seluruh dunia.

Asia Tenggara menyumbang hingga 20 peratus kepada keseluruhan pendapatan syarikat itu, dan daripada jumlah ini, 25 hingga 30 peratus disumbangkan oleh Malaysia.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1027736>